

Sarawak eksport ikan tilapia merah Batang Ai ke Singapura



Uggah (tengah) menunjukkan ikan tilapia merah Batang Ai yang akan dieksport buat pertama kalinya ke Singapura. - *Gambar Roystein Emmor.*

KUCHING: Sarawak mengeksport ikan tilapia merah dari Batang Ai, di Sri Aman buat pertama kalinya ke Singapura hari ini.

Penghantaran pertama 12 tan ikan tilapia ini dibuat Borneo Eco Fish Sdn Bhd kepada pembeli iaitu ShengSiong Group untuk pasaran Singapura.

Pelancaran penghantaran eksport pertama ikan tilapia ini dihadiri oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas di Sea Horse Corporation Sdn Bhd di sini.

Uggah yang ditemui selepas pelancaran berkata eksport ikan tilapia ini merupakan hasil positif daripada pembukaan Pejabat Pelancongan dan Perdagangan Sarawak Singapura (STATOS) di Singapura.

Pejabat tersebut merupakan inisiatif Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg dan dirasmikan pada 16 Ogos yang lepas.

“Penghantaran ikan tilapia ini merupakan hasil perjumpaan antara Borneo Eco Fish dengan pembeli Kumpulan ShengSiong pada 16 Ogos lepas.

“Ini merupakan hasil positif daripada pembukaan STATOS dan kita mahu melihat lebih banyak produk pertanian di eksport ke Singapura dan lain-lain negara,” katanya.

Uggah yang juga Menteri Pemodelan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah menambah matlamat Sarawak adalah untuk menjadi pengeksport tetap makanan menjelang tahun 2030.

Justeru katanya, kerajaan mahu mewujudkan lebih banyak fasiliti moden untuk mengeksport produk pertanian bukan sahaja ikan tetapi juga buah-buahan seperti durian dan sebagainya.

Uggah turut menggesa rakyat Sarawak terutama golongan muda untuk terlibat dalam bidang pertanian bagi mencapai matlamat menjadi pengeksport tetap makanan pada tahun 2030.

“Import makanan tetap kita pada masa ini adalah RM3.8 bilion untuk tahun 2010 dan kita telah mengenal pasti tanaman yang boleh dikeluarkan dari Sarawak.

“Saya yakin dengan penekanan oleh kerajaan negeri kepada bidang pertanian, masa depan Sarawak dalam bidang ini adalah cerah,” ujarinya.

Terdahulu sebelum melancarkan eksport pertama ikan tilapia ke Singapura, Uggah diberi taklimat mengenai operasi perniagaan yang diusahakan oleh Sea Horse dan Borneo Eco Fish.